

SENARAI SINGKATAN

ACCC	Associated Chinese Chambers of Commerce
ACCCIM	Persekutuan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia
AKI	Akta Koordinasi Industri
AMCJA	All Malaya Council of Joint Action
AMIPF	All Malaysian Indian Progressive Front
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BA	Barisan Alternatif
BN	Barisan Nasional
CCC	Chinese Chambers of Commerce
CRC	Civil Rights Committee
CRCGA	Council of Representatives of Chinese Guilds And Association
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DKK	Dasar Kebudayaan Kebangsaan
Dongzong	Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia
DPC	Dewan Perhimpunan Cina
DPCS	Dewan Perhimpunan Cina Selangor
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DTC	Deposit Taking Cooperatives
DUN	Dewan Undangan Negeri
Gerakan	Parti Gerakan Rakyat Malaysia

GPCM	Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia
HAK	Harakah Keadilan Rakyat
IMF	International Monetary Fund
IMP	Parti Kemerdekaan Malaya
ISA	Internal Security Act
Jiaozong	Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
Keadilan	Parti Keadilan Nasional
JKKHSN	Jawatankuasa Kerja Kebudayaan Huatuan Seluruh Malaysia
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KSM	Koperasi Serbaguna Malaysia
LDP	Parti Liberal Demokratik
15 Huatuan	15 Pertubuhan Cina Yang Utama di Malaysia
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MAPEN	Majlis Perundingan Ekonomi Negara
MCA	Malaysian Chinese Association
MCACECC	Malaysian Chinese Association Chinese Education Central Committee
MCRRC	Malaysian Chinese Resource and Research Centre
MIC	Malaysian Indian Congress
MPHB	Multi-Purpose Holdings Bhd.
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
Nasma	Parti Nasionalis Malaysia
NEP	New Economic Policy
NGO	Non Governmental Organisations
PAS	Parti Islam Se-Malaysia

PBPCM	Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia
PBS	Parti Bersatu Sabah
PNB	Permodalan Nasional Bhd.
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
RRJP2	Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua
SAPP	Parti Maju Sabah
SDP	Sepakat Democratic Party
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMPC	Sekolah Menengah Persendirian Cina
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUPP	Sarawak United Peoples Party
UMNO	United Malays National Organisation

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
1.1 Teori dan Strategi untuk Mengatasi Konflik Etnik	16
2.1 Penubuhan <i>Huiguan</i> Mengikut Negeri	41
2.2 Sejarah Penubuhan <i>Huiguan</i> Mengikut Suku Kaum	43
2.3 Sejarah Penubuhan CCC Negeri	45
3.1 Bilangan Kawasan Parlimen Dengan Majoriti Pengundi Melayu di Semenanjung Malaysia	120
3.2 Bilangan Perbadanan Awam di Malaysia, 1960-1992	125
3.3 Pemilikan Modal Saham Syarikat Berhad Mengikut Etnik dan Tahun, 1969-1999	130
3.4 Pekerjaan Mengikut Kumpulan Etnik, 2000	133
4.1 Prestasi Parti-Parti Politik Cina dalam Pilihan Raya Umum Berbandng dengan UMNO	149
4.2 Bilangan Guru Sandaran dan Kontrak di SJK(C) Mengkut Negeri Tahun 1999	183
4.3 Perbandingan Bilangan Sekolah dan Bilangan Murid Pelbagai Aliran untuk Tahun 1968 dan 2000	185
4.4 Kawasan dan Bilangan SJK(C) Yang Perlu Dibina di Johor Bahru	186
4.5 Peruntukan Kewangan untuk Sekolah Rendah Pelbagai Aliran di Bawah RME dan RMT	187
4.6 Bilangan dan Peratusan Pelajar Ijazah Pertama Mengikut Kumpulan Etnik di Universiti Awam Tempatan untuk Tahun 1970-1999	189
4.7 Kepadatan Penduduk di Kampung Baru Cina Tahun 1954-1995	194
4.8 Peruntukan Rancangan Malaysia (II – VII) Bagi Pembangunan Kampung Baru Cina	196

5.1	Sejarah Penubuhan DPC Atas Desakan ACCCIM	212
5.2	Faedah-Faedah Modenisasi Perniagaan	217
5.3	Bilangan Syarikat Pemegang dan Pelaburan Mengikut Jenis Huatuan	220
5.4	Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen 1982 : Jumlah Kerusi dan Undi yang Diperoleh Parti-Parti Politik Cina Di Semenanjung Malaysia	234
5.5	Perbandingan Pencapaian Parti-Parti Politik Berdasarkan Peratusan Undi yang Diperoleh di Kawasan Parlimen Majoriti Pengundi Cina dalam Pilihan Raya Umum 1982	235
5.6	Tema dan Penganjur Pesta Kebudayaan Cina Malaysia	245
6.1	Prestasi Parti-Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 1986 (Parlimen)	268
6.2	Keputusan Pilihan-Pilihan Raya Kecil (DUN dan Parlimen) dalam Tempoh 1988-1990	284
6.3	Pola Pertandingan Kawasan Parlimen dan DUN dalam Pilihan Raya Umum 1990	293
6.4	Perbandingan Prestasi Parti-Parti Politik Utama dalam Pilihan Raya Umum 1990 & 1986 (Parlimen)	296
6.5	Pencapaian Calon-calon Bekas Pemimpin Huatuan dalam Pilihan Raya Umum 1990	298
7.1	Prestasi Parti-Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 1995 (Parlimen dan DUN)	322
7.2	Perbandingan Undi Majoriti Menteri-Menteri Kerajaan Pusat dalam Pilihan Raya Umum 1999 & 1995	350
7.3	Perbandingan Undi Majoriti Calon-Calon DAP di Kawasan Pilihan Raya Umum 1999 & 1995	354
7.4	Trend Kekalahan Beberapa Calon Keadilan di Kawasan Parlimen Pilihan Raya Umum 1999	355
7.5	Prestasi Parti-Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 1999 & 1995 (Parlimen & DUN)	357
8.1	Prestasi Parti-Parti Politik dalam Pilihan Raya Umum 2004 (Parlimen & DUN)	385

SENARAI RAJAH


No. Rajah	Halaman
6.1 Dialog CRC dengan Parti-Parti Politik	263
7.1 Pengagihan Jawatankuasa-Jawatankuasa di 15 Huatuan	315

SENARAI NAMA BAHASA CINA

Nama Bahasa Cina	Nama Bahasa Malaysia	Han Yu Pin Yin
李裕隆	Alex Lee	
莫泰熙	Bock Tai Hee	
曾敏兴	Chen Man Hin	
陈业宏		Chen Yehong
张征雄	Chong Chin Shoong	
张永庆	Chong Joon Kin	
张景良	Chong Kin Liang	
蔡国治	David Chua	
郭洙镇	Kerk Choo Ting	
柯嘉逊	Kua Kia Soong	
刘伯群	Lau Pak Khuan	
刘锡通	Lau Sik Thong	
李万千	Lee Ban Chen	
李成金	Lee Kim Sin	
李光耀	Lee Kuan Yew	
李三春	Lee San Choon	
李延年	Lee Yan Lian	
刘磐石	Liew Poon Siak	
林文庆	Lim Boon Keng	
林苍佑	Lim Chong Eu	
林晃升	Lim Fong Seng	
林玉静	Lim Geok Chan	
林冠英	Lim Guan Eng	
林源德	Lim Guan Teik	
林敬益	Lim Keng Yek	
林吉祥	Lim Kit Siang	
林连玉	Lim Lian Geok	
林良实	Ling Liang Sik	
陆庭谕	Loot Ting Yee	
吴德芳	Ng Teck Fong	
吴维湘	Ng Wei Siong	
颜清文	Ngan Ching Wen	
饶仁毅	Ngeow Yin Ngee	
王超群	Ong Kow Ee	
郭全强	Quek Suan Hiang	
谢春荣	Ser Choon Ing	
许光道	Shue Kwong Tau	
沈天奇	Shum Thin Khee	

沈慕羽	Sim Mow Yu
陈志勤	Tan Chee khoon
陈祯禄	Tan Cheng Lock
陈嘉庚	Tan Kah Kee
陈群川	Tan Koon Swan
陈修信	Tan Siew Sin
陈德昌	Tan Teck Chang
陈祖排	Ting Chew Peh
庄迪君	Tuang Pik King
杨培根	Yang Pei Keng
叶茂达	Yap Mau Tatt
张景云	

Zhang Jingyun

PETA MALAYSIA

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang memperlihatkan perkembangan politiknya diwarnai politik komunal. Walaupun Malaysia mencapai kemerdekaan melalui amalan kompromi dan permuafakatan pelbagai kaum, namun persaingan dan konflik etnik masih merupakan kekangan kepada proses pembinaan negara-bangsa dan mampu mencetuskan unsur ketidakstabilan kepada negara. Formula perkongsian kuasa melalui politik perikatan atau campuran (coalition politics) yang diguna pakai oleh Perikatan untuk mencapai kemerdekaan turut terdedah kepada cabaran natijah daripada perkembangan nasionalisme keetnikan yang semakin memuncak. Keadaan yang demikian telah meletakkan dua kaum yang terbesar di Malaysia, Melayu dan Cina, di landasan pertembungan yang akhirnya menyebabkan tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa rusuhan kaum itu mengubah senario dan dimensi politik Malaysia yang memperlihatkan kewujudan dan pengentalan hegemoni politik Melayu di satu pihak sementara merangsang pula timbulnya respons dan reaksi yang hebat di kalangan bukan Melayu di satu pihak lain.

Hegemoni politik Melayu yang ditunjangi kuasa nasionalisme Melayu khususnya sejak tahun 1969 menyaksikan penggunaan kekuasaan politik oleh elit Melayu untuk mencapai agenda perjuangan Melayu. Kemunduran dan kelemahan kaum Melayu dalam pelbagai bidang mendorong kerajaan yang dikuasai UMNO merancang dan melaksanakan berbagai-bagi dasar negara bagi membantu dan meningkatkan taraf hidup orang Melayu. Oleh itu dasar afirmatif yang berlandaskan pertimbangan etnik semata-mata dilaksanakan untuk membela nasib orang Melayu. Penekanan arah pembangunan dan pembinaan negara-bangsa yang demikian telah

membawa kepada penghakisan hak dan kepentingan masyarakat Cina di Malaysia. Ini kemudiannya menyumbang kepada kewujudan dilema dalam masyarakat Cina yang seterusnya menyebabkan ketidakpuasan dan penentangan mereka terhadap kerajaan. Permasalahan ini menjadi fokus penelitian pengkaji.

Tempoh kajian ini mencakupi tiga dekad (1969-1999), namun kajian ini juga mengambil kira sejarah sebelum itu, di samping membuat sedikit ulasan tentang perkembangan selepas 1999. Tahun 1969 dipilih sebagai tempoh permulaan kajian kerana ia merintis era dominasi parti UMNO yang lebih menyeluruh. Kajian berlanjutan hingga 1999 memandangkan tahun itu berlangsungnya pilihan raya umum yang menunjukkan tanda-tanda kewujudan politik baru. Tesis ini dibahagikan kepada lapan bab. Bab satu merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian. Bab dua menghuraikan perkembangan Huatuan (persatuan Cina) dari segi sejarah dan peranannya dalam masyarakat Cina pada pelbagai tempoh masa juga disoroti. Bab tiga pula mengupas pembentukan dominasi dan hegemoni politik Melayu dari zaman sebelum kemerdekaan hingga ke masa kini. Manakala Bab empat meninjau dilema masyarakat Cina Malaysia dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, dan sosial.

Bab lima, enam, dan tujuh merupakan inti kajian ini. Perbincangan dalam ketiga-tiga bab ini merangkumi penelitian dan kupasan terhadap respons dan penggunaan pelbagai strategi oleh Huatuan dalam mendepani hegemoni politik Melayu. Perbincangan ini dilakukan secara kronologi. Manakala Bab lapan merupakan kesimpulan kajian yang memuatkan penemuan-penemuan kajian dan rumusan pengkaji.